

**HUBUNGAN PENCAPAIAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS DENGAN  
PENCAPAIAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER NOVEMBER 2017 KURSUS  
ELEKTIF TERAS MATEMATIK DAN SAINS PROGRAM IJAZAH SARJANA  
MUDA PERGURUAN (PISMP) DI IPG KAMPUS ILMU KHAS**

Commented [U1]:

*Lee Lay Hwa, Lee Leh Hong (PHD), Lye Guet Poh  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pencapaian pentaksiran kerja kursus dengan pencapaian peperiksaan akhir Semester November 2017 bagi program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas. Kajian ini melibatkan 18 siswa guru PISMP yang mengambil Kursus Elektif Teras Matematik dan 10 siswa guru PISMP yang mengambil Elektif Teras Sains. Data keputusan Pentaksiran Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir Semester diperolehi daripada Unit Peperiksaan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan pencapaian pentaksiran kerja kursus mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan pencapaian peperiksaan akhir bagi kursus MTES3063 ( $r=0.503$ ,  $p<0.05$ ) dengan varian  $r^2=0.253$ . Ini menunjukkan 25.3% daripada pencapaian siswa guru dalam peperiksaan akhir adalah dipengaruhi oleh pencapaian mereka dalam pentaksiran kerja kursus dan 74.7% lagi mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Kursus Sains bergabung antara SCES3063 dan SCES3073 juga menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara pencapaian pentaksiran kerja kursus dan pencapaian peperiksaan akhir ( $0.641$ ,  $P<0.01$ ) dengan  $r^2=0.411$ . Untuk kursus MTES3073 pula dapatkan kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara pencapaian pentaksiran kerja kursus dan pencapaian peperiksaan akhir. Beberapa cadangan juga dikemukakan untuk membantu pensyarah merangka strategi PdPc yang lebih berkesan untuk meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan pentaksiran kerja kursus.

Commented [U2]: Ijazah Sarjana Muda Perguruan

Commented [U3]: terdiri daripada

Commented [U4]: PA in full

Kata kunci: korelasi, pentaksiran kerja kursus, peperiksaan akhir